




LAPORAN TAHUNAN 2002 ANNUAL REPORT



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE DEVELOPMENT CORPORATION





فَرِيدَانِ كَا جَوَانِ اِقْتِصَادِ نَكْرِي كَلَنْتَرِ

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**  
*Kelantan State Economic Development Corporation*

Tingkat 8- 11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani  
Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.  
Tel: 609-7445055, Fax: 609-7441700  
<http://www.pkink.gov.my>





# KANDUNGAN CONTENTS

- 
- 03** Ahli Lembaga Pengarah  
Board of Directors
  - 05** Carta Organisasi PKINK  
PKINK Organisation Chart
  - 07** Kurang-pula Pengurusan  
Management Team
  - 09** Misi & Falsafah Korporat  
Mission & Corporate Philosophies
  - 10** Penyata Pengerusi  
Chairman's Statement
  - 20** Maklumat Operasi & Kewangan  
Operational & Financial Highlights
  - 21** Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31  
Disember 2002  
Financial Statement For The Year Ended 31<sup>st</sup>  
December 2002





# PENGERUSI CHAIRMAN



**YAB. TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ B. NIK MAT**  
Menteri Besar Kelantan *Menteri Besar of Kelantan*  
Pengerusi *Chairman*

# AHLI LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN TAHUN 2002

**YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz b. Nik Mat**

Menteri Besar Kelantan **Menteri Besar of Kelantan**

Pengerusi **Chairman**

**YB. Dato' Hj. Abdul Halim b. Ab. Rahman**

Timbalan Menteri Besar Kelantan **Deputy Menteri Besar of Kelantan**

Timbalan Pengerusi **Deputy Chairman**

**YBM. Dato' Tengku Shah Buddin b. Tengku Mohd. Maasum**

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan **Kelantan State Secretary**

Ahli **Member**

**YB. Dato' Hj. Wan Mohamad b. Wan Konok**

Pegawai Kewangan Negeri Kelantan **Kelantan State Financial Officer**

Ahli **Member**

**YB. Tuan Hj. Omar b. Hj. Muhamad**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan **Kelantan State Committee Member**

Ahli **Member**

**YBhg. Tuan Syed Ibrahim b. Syed Ab. Rahman**

Ahli Pemiagaan **Businessman**

Ahli **Member**

**YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamad Hanapi b. Mohamad**

Pensyarah Universiti Utara Malaysia **Universiti Utara Malaysia Lecturer**

Ahli **Member**

**YBhg. Dr. Abdul Samad b. Hj. Alias**

Ahli Pemiagaan **Businessman**

Ahli **Member**

**YBhg. En. Rameli b. Musa**

Ahli Pemiagaan **Businessman**

Ahli **Member**

**YBhg. En. Md. Zakaria b. Basimin**

Setiausaha **Secretary**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia **Human Resources and Development**

Kementerian Pembangunan Usahawan **Ministry of Entrepreneur Development**

Ahli **Member**

**YBhg. Dato' Zainun Aishah bt. Dato' Ahmad**

Kelua Pengarah MIDA **MIDA Director General**

Ahli **Member**

**YBhg. En. Abd. Hamid b. Joned**

Timbalan Setiausaha **Assistant Secretary**

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan **Department of Government Procurement Management**

Kementerian Kewangan **Ministry of Finance**

Ahli **Member**



# AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



**BERDIRI DARI KIRI KE KANAN STANDING FROM LEFT TO RIGHT**


En. Ab. Hamid Joned, Dr. Ab. Samad Alias, En. Rameli Musa, YB. Dato' Hj. Wan Moharried b. Wan Kenok, Dr. Mohd Hanapi Mohamad, Tr. Syed Ibrahim Syed Ab. Rahman, En. Zakaria Basimiri.

**DUDUK DARI KIRI KE KANAN SEATED FROM LEFT TO RIGHT**

YBM Dato' Tengku Shabbudin b. Tengku Maasum, YB Dato' Hj. Ab. Halim b. Ab Rahman, YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Ab. Aziz b. Nik Mat, YB Tuan Hj. Omar b. Mohamad, YBhg. Dato' Zainun Aisyah bt. Dato' Ahmad.

# CARTA ORGANISASI PKINK

## PKINK ORGANISATIONAL CHART







# KETUA EKSEKUTIF CHIEF EXECUTIVE



HJ. HANIFA AHMAD



# KUMPULAN PENGURUSAN MAJLIS EKSEKUTIF

MANAGEMENT TEAM  
EXECUTIVE COMMITTEE



**HJ. HANIFA AHMAD**  
Ketua Eksekutif  
Chief Executive



**HJ. SUHAIMI HUSIN**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
(Perancangan & Pembangunan)  
Deputy Chief Executive  
(Planning & Development)



**HJ. WAN ADNAN WAN  
AB. KADIR**  
Timbalan Ketua  
Eksekutif (Hal Ehwal  
Korporat)  
Deputy Chief Executive  
(Corporate Affairs)



**HJ. RAZALI DERAMAN**  
Pengurus Kewangan  
Finance Manager



**HJ. SUHANE BRAHIM  
ARAU**  
Pengurus  
Perancangan Korporat  
Corporate Planning  
Manager



**EN. MOHD ADILAN MAT  
JUSOH**  
Pegawai Khas KE  
Assistant To CEO  
Selisus Setia Majlis  
Eksekutif Secretary To  
Executive Committee



# KUMPULAN PENGURUSAN MANAGEMENT TEAM



**H.J. WAN AB.  
RAHMAN WAN  
YAACOB**  
Pengurus Projek &  
Hartanah  
Project & Property  
Manager



**DATIN HAJJAH  
NORSIAH MUSA**  
Pengurus Galakan  
Industri & IKS  
Industrial Promotion &  
SMI Manager



**EN. ZAINAL AB. RAHIM**  
Pengurus Khidmat  
Teknikal  
Technical Services  
Manager



**H.J. MOHAMAD  
ALWI YA**  
Pengurus  
Pembangunan  
Usahawan  
Entrepreneur  
Development Manager



**H.J. ABAS SALLEH**  
Pengurus Audit Dalam  
& Nazran  
Internal Audit &  
Inspectorate Manager



**H.J. BAHARUDDIN  
HARUN**  
Pengurus Sumber  
Manusia  
Human Resources  
Manager



**H.J. NIK MOHD KAMAL  
NIK YUSOFF**  
Pengurus MIS  
MIS Manager





## MISI KORPORAT **CORPORATE MISSION**

Sebuah badan korporat **A corporate body**  
 yang bertanggungjawab **with the responsibility**  
 dalam menerajui pembangunan **to spearhead the economic development**  
 dan pertumbuhan ekonomi **and growth of Kelantan,**  
 Negeri Kelantan, berlandaskan **based upon the Islamic principles,**  
 prinsip-prinsip Islam **for the prosperity**  
 untuk kesejahteraan UMMAH. **of the UMMAH.**



## FALSAFAH **CORPORATE** KORPORAT **PHILOSOPHIES**

Membina sebuah Kumpulan yang teguh, dinamik dan bertayasaing untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri. **To build a competitive, dynamic and sturdy Group that will spearhead the state economic development.**

Mencetus, melaksana dan mengembangkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang berdaya maju bagi menjamin daya hidup Kumpulan. **To initiate, implement and expand viable economic activities thus ensuring the Group's survival.**

Mengoptimumkan sinergi melalui pengembelongan sumber asli dan kewangan serta sumber manusia. **To optimize synergistic pooling of resources namely material, money and manpower.**

Meahirkan tenaga insan yang berkualiti untuk kepentingan Kumpulan khususnya dan Ummah amnya dengan mewujudkan pembangunan kerjaya. **To produce quality workforce by providing a conducive working environment with opportunities for career development.**

Menerima pakai amalan-amalan pengurusan sejagat yang terbukti keunggulan dan menggunakan teknologi terbaik bagi menjamin keterampilan pengurusan serta keberkusanan kos. **To adopt contemporary best management practices and advanced technologies that were proven to guarantee efficient administration and cost effectiveness.**



## PENYATA PENERUSI

Assalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salamt kepada Baginda Rasulullah SAW.

Mewakili Lembaga Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan PKINK dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.

## PRESTASI KEWANGAN

Dalam tahun 2002, PKINK telah mencatatkan perolehan hasil dan pendapatan sebanyak RM85.02 juta iaitu perlambatan sebanyak 95% berbanding dengan RM33.31 juta dalam tahun 2001. Perolehan hasil tertinggi telah dicatatkan daripada jualan aktiviti perumahan iaitu sebanyak RM55.67 juta diikuti oleh hasil sewaan sebanyak RM5.59 juta. Perbelanjaan mengurus, kendalian dan kewangan PKINK bagi tahun 2002 ialah RM15.18 juta bertambah sebanyak 7.8% berbanding dengan RM14.08 juta dalam tahun 2001. Setelah mengambil kira peruntukan bagi perkara-perkara terkecuali sebanyak RM15.36 juta dan peruntukan cukai sebanyak RM0.5 juta, PKINK telah berjaya mengurangkan kerugian kepada RM15.55 juta berbanding dengan RM25.66 juta dalam tahun 2001.

Pada peringkat kumpulan, perolehan hasil dan pendapatan ialah sebanyak RM131.52 juta, bertambah sebanyak 15% berbanding RM114.29 juta dalam tahun 2001. Perolehan tertinggi bagi kumpulan telah dicatatkan melalui pendapatan projek berjumlah RM37.82 juta diikuti oleh hasil perkhidmatan berjumlah RM27.94 juta, jualan hasil ladang berjumlah RM21.67 juta dan jualan hasil balak berjumlah RM13.90 juta. Perbelanjaan mengurus, kendalian dan kewangan bagi kumpulan telah menurun sebanyak 15.63% daripada RM70.67 juta dalam tahun 2001 kepada RM59.62 juta. Hasil daripada pemantauan yang berterusan, kerugian dalam tahun pembentangan telah dapat dikurangkan sebanyak 46.85% daripada RM32.44 juta dalam tahun 2001 kepada RM17.24 juta dalam tahun 2002.

## TINJAUAN OPERASI

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSM).

Menyedar pentingnya pembangunan produktiviti dalam organisasi, Bahagian PSM telah menyusun beberapa program seminar, kursus dan latihan bagi anggota-anggota PKINK pada tahun 2002 seperti berikut :-

Bengke Sehari Kelampiran Diri (Sempena Minggu Setiausaha)

Sebagai proses untuk menyediakan petugas barisan hadapan (frontliners) yang cekap dan berhemat, satu bengke khusus untuk setiausaha dan pembantu peribadi telah diadakan pada 22 April 2002 bertempat di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana Kota Bharu.

## CHAIRMAN'S MESSAGE

In The Name Of Allah, The Most Generous and The Most Merciful. Compliments and regards to our prophet, Rasulullah SAW. May peace fall upon you and may Allah bless you with generosity and prosperity.

On behalf of the Board of Directors, I am honored to present the Kelantan State Economic Development Corporation (PKINK) Annual Report and Audited Financial Statement for the year 2002.

## FINANCIAL PERFORMANCE

In the year 2002, PKINK as a company, has generated a turnover of RM85.02million. This is a 95% jolt from RM33.31million gained in year 2001. The biggest income earner is the housing projects with sales amounting to RM55.67million, followed distantly by rental income of RM5.59million. Operating, administration and financial expenditures rose 7.8% to RM15.18million for the year 2002, as compared to RM14.08 in year 2001. Upon provision for exceptional items of RM15.36million and RM0.5million in taxation, KSEDG net loss for year 2002 has shrunk to RM15.55million from RM25.66million suffered in year 2001.

At the Group level, the consolidated turnover for the year 2002 is RM131.52million, up 15% from previous year's RM114.29million. Income from projects is the biggest contributor with RM37.82million turnover, followed by RM27.94million income from services. Then there is RM21.67million income from the plantation sector, while the timber-based sector closely following suit with RM13.90million turnover. The Group operating, administration and financial expenses drop 15.63% from RM70.67million in year 2001 to RM59.62million. As a result of constant monitoring, the Group consolidated net loss for the year, lessen 46.85% to RM17.24million



from RM32.44million loss recorded in year 2001.



Bengkel tersebut juga telah dihadiri oleh kesemua sofiausaha dan pembantu peribadi dari itu pejabat dan anak-anak syarikat.

#### LUNCHEON TALK

Bagi memberi pendedahan yang lebih luas kepada anggota pengurusan, satu sesi Luncheon Talk telah diadakan pada 17 April 2002 bertempat di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana Kota Bharu. Tajuk yang dikupas dalam sesi Luncheon Talk tersebut adalah *"Reinforcement of Commitment To Produce Quality Work Amongst Managers and Executives of PKINK"*.

#### KURSUS INDUKSI BAGI ANGGOTA BARU KUMPULAN PKINK



Kursus induksi bagi anggota baru Kumpulan PKINK telah berjaya diadakan pada 26 & 27 Ogos 2002 bertempat di Taman Rehlah, Pasir Puteh. Objektif utama kursus adalah untuk memberi pendedahan awal kepada 50 orang anggota baru dalam kumpulan PKINK. Mereka telah diperkenalkan kepada sejarah penubuhan PKINK, misi dan visi kumpulan, struktur korporat Perbadanan dan juga etika dan tata tertib bekerja cara Islam.

#### TAKLIMAT ASEAN FREE TRADE AREA (AFTA)

Satu taklimat mengenai AFTA telah berjaya diadakan pada 25 Ogos 2002 bertempat di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana Kota Bharu. Sesi taklimat ini telah dikendalikan oleh Dr. Mohd Hafiah Piel, Timbalan Pengarah Malaysia Institute Of Economic Research (MIER). Objektif utama taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan secara lebih mendalam mengenai prinsip-prinsip AFTA kepada semua anggota pengurusan PKINK.



#### OPERATION OUTLOOK

**HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (HRM) DIVISION**  
Productivity enhancement is crucial in every organization. Thus, in year 2002, the HRM Division has conducted various in-house programmes for the staff, in the form of seminars, courses and trainings. The programmes are as follows:

1-day Workshop on Image & Personality (part of the Secretary's Week)

In order to foster efficient and courteous frontliners, the aforementioned workshop was held on 22 April 2002 at



Dewan Bunga Emas Hotel Perdana, specifically for all the secretaries and personal assistants within the Group.

#### LUNCHEON TALK

A luncheon talk was held on 17 April 2002 with the aim of giving wider exposure to the management staff. The topic for discussion was *"Reinforcement of Commitment To Produce Quality Work Amongst Managers and Executives of PKINK"*.

#### INDUCTION COURSE FOR NEWLY RECRUITED STAFF

The aforementioned course was conducted in Taman Rehlah Pasir Puteh on the 26 & 27 August 2002 whereby 50 newly recruited staff for the whole Group were introduced to the corporation's history, the group's mission & vision, the overall corporate structure as well as muslim work ethics and codes of conduct.

#### BRIEFING ON ASEAN FREE TRADE AREA (AFTA)

The briefing was given by Dr Mohd Hafiah Piel, Assistant Director in Malaysia Institute of Economic Research on 25 August 2002 at Dewan Bunga Tanjung Hotel Perdana Kota Bharu. The main objective is to give deeper insight on all the principles pertaining AFTA to all KSEDG's management staff.



**KURSUS KURIKULUM PEMBANGUNAN INSAN (KPI)**

Kursus KPI yang telah dimulakan untuk anggota-anggota pengurusan pada tahun 2000 telah diteruskan lagi kepada anggota-anggota sokongan pada tahun 2002. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan di dalam kursus tersebut adalah Konsep Dan Kedudukan Pekerjaan Dalam Islam, Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dan Etika Kerja Dalam Organisasi dan juga Pengenalan Kepada Pengurusan Islam. Kesemua kertas kerja didalam kursus ini kemudiannya telah dibukukan dan dinamakan sebagai "Budaya Kerja Cemerlang Melalui Ubudiyah, Masuliyah & Itqan".

**BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT (BPK)**

Bagi tahun 2002, BPK telah mempergiatkan lagi siri Lawatan Kerja Korporat bersama Ahli Majlis Eksekutif PKINK ke syarikat-syarikat anak dalam kumpulan. Tujuan utama siri lawatan korporat ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai operasi serta prestasi syarikat-syarikat yang berkaitan. Pelan Strategik 5 Tahun Kumpulan PKINK pula sedang diperingkat perancangan. Apabila dilaksanakan kelak, pelan tersebut diyakini mampu memantapkan lagi prestasi PKINK pada tahun-tahun mendatang.

**BAHAGIAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT (MIS)**

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

**PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI DAN DATABASE**

Pembangunan Sistem Perakaunan PKINK yang dikendalikan dengan kerjasama Meganet Communications Sdn. Bhd. masih merupakan tugas utama. Sehingga akhir tahun 2002, proses kemasukan data Code Of Account (COA) telah pun dimulakan.

**KONSULTANSI DAN KHIDMAT NASIHAT**

Dalam tahun 2002, Bahagian MIS telah diberi mandat untuk memberikan khidmat nasihat tentang Teknologi Maklumat (IT) kepada syarikat-syarikat anak. Ianya merangkumi kerja-kerja pendawaian networking bagi premis baru Kelkon Sdn. Bhd. dan khidmat runding untuk perolihan Sistem Kontrak dan Akaun Bersepadu Syarikat. Disamping itu bahagian ini juga turut memberikan khidmat kepada syarikat UB Consult, Kompleks Perakayuan Kelantan, Kijang Kuari dan Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd yang merangkumi penyediaan aluan internet, web server, persembahan multimedia dan carian maklumat.

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (BPU)**

Sebagai sekretariat program Pembangunan Usahawan Muda (PUM) Negeri Kelantan, BPU telah merangka dan

**HUMAN DEVELOPMENT CURRICULUM (HDC)**

This series of courses, which was initially set out in year 2000 for all the management staff within the Group, are extended in year 2002 to incorporate all the support staff. Among the topics covered by the curriculum are The Concept Of Work from Islamic Perspective, Embracing Islamic Values and Work Ethics within the Organisation, and Introduction to Islamic Management. All the working papers throughout these courses were bound together into a book entitled "Excellent Work Cultures through Ubudiyah, Masuliyah & Itqan".

**CORPORATE PLANNING DIVISION**

In the year 2002, this division continues organizing Corporate Visits to selected subsidiaries within the Group. Attended by the members of KSEDC Executive Council, the purpose of such visits is to get an overall picture on each company's operation and performance. The 5-year Strategic Plan is in the pipeline and once implemented, will boost the Group's performance and ensure future survival.

**MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (MIS) DIVISION**

Among the activities carried out are:

**DATABASE & APPLICATION SYSTEM DEVELOPMENT**

The main task for year 2002 is the joint-development of KSEDC Accounting System with Meganet Communications Sdn Bhd and as of year-end, the Code of Accounts data-entry is progressively underway.

**CONSULTATION AND ADVISORY SERVICES**

In year 2002, the MIS Division was given the mandate to provide advisory services to subsidiaries on matters pertaining to Information Technology. Such services include network cabling for Kelkon's new office building as well as consultancy for Group Integrated Accounting







melaksanakan beberapa aktiviti dalam tahun ini. Program PUM 2002 telah dimulai dengan Sesi Taklimat Tatacara Pelaksanaan Untuk Pengetua dan Guru-Guru Pengelola yang telah diadakan pada 21 Februari 2002 bertempat di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan. Sesi tersebut telah membolehkan 12 buah sekolah yang baru dipilih bagi mengikuti program itu.

Selain itu, seminar keusahawanan PUM turut diadakan pada 4 hingga 6 April 2002 bertempat di Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri. Seminar tersebut telah dihadiri seramai 120 orang pelajar dari sekolah-sekolah yang diselenggarakan oleh pihak yayasan.

Kursus Peniaga & Penjaja Kecil Modul I Peringkat Negeri Kelantan pula telah diadakan di Ansar Inn pada 7 hingga 10 April 2002. Kursus selama 4 hari tersebut telah dihadiri seramai 50 orang usahawan kecil tempatan. Sebagai lanjutan, Modul II kursus berkenaan telah diadakan pada 3 dan 4 Julai 2002 bertempat di Safar Inn, Kota Bharu.

#### BAHAGIAN PROJEK DAN HARTANAH (BPH)

Hasil daripada pengstrukturkan semula yang telah dibuat dalam tahun 2001, fungsi dan aktiviti bahagian ini telah dapat dimantapkan lagi. Dalam tahun 2002, BPH ini telah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mampu menjana perolehan segera dengan memfokuskan kepada penjualan rumah kediaman, rumah kedai dan stok hartanah yang sedia ada.

a) 30 unit rumah teres 1 tingkat – Projek perumahan Taman Bunga Raya, Bechah Resak, Tumpat. Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 15 Mei 2002 di atas lot tapak seluas 2.8 ekar dan membolehkan kos sebanyak RM1.26 juta. Kedudukannya yang berdekatan dengan Chabang Empat Tok Mek Ngah dan Sekolah Kebangsaan Kubang Batang Tumpat telah menjadikan lokasinya cukup strategik. Dijual dengan harga RM69,900.00 – RM92,000.00 seunit, kesemua unit yang ditawarkan telah habis dijual.

b) 21 unit rumah banglo – Perumahan Taman Saberiah, Kota Bharu. Dimajukan di atas lot tapak seluas 3.39 ekar yang jaraknya hanya 5 km dari Kota Bharu dan menelan kos sebanyak RM2.268 juta. Membolehkan dua jenis rumah iaitu Banglo 3 Bilik dan Banglo 4 Bilik yang dijual dengan harga RM168,150.00 dan RM213,000.00 seunit. Projek

System and Contract System. Other subsidiaries which consulted this division are UE Consult, Kompleks Perumahan Kelantan, Kijang Kuari and Kumpulan Pertanian Kelantan, and the services provided to them are internet access, web serving, multimedia presentation and info search.

#### THE ENTREPRENEUR DEVELOPMENT DIVISION

As the secretariat for the state's Young Entrepreneur Development (YED) Program, this division has continuously and systematically plan and conduct various programmes for year 2002. The year kicked-off with a Briefing Session on YED Implementation Guidelines which was attended by all the principals and facilitators from the 12 schools involved. The session was held on 21 February 2002 in Perdana Resort.

Then, a seminar on Entrepreneurship was conducted at the Kelantan Islamic Foundation Nilam Puri from 4 to 6 April 2002, which addressed 120 students from schools controlled by the foundation.

The division has also organized the Module 1 Course For Retailers And Small Traders. Running from 7 to 10 April 2002 at Ansar Inn, it has benefited 50 local small entrepreneurs. Module II of the same course was later held at Safar Inn Kota Bharu on 4 July 2002.



#### THE PROJECT AND PROPERTY DIVISION

Resulting from year 2001's major



restructuring, the functions and activities of this division are further streamlined. In year 2002, cash generation is the main focus and it was achieved through sales of existing stock of completed houses and shoplots.







ini telah dimulakan pembinaannya pada 15 Mei 2002 dan turut habis dijual.

c) 34 unit rumah teres 1 tingkat – Perumahan Taman Remah Fasa II, Tanah Merah.  
Terdiri daripada 34 Unit Rumah Teres 1 Tingkat dan ditawarkan pada harga RM 55,000.00 seunit, projek ini telah siap sepenuhnya dan turut habis dijual.

Bagi memajukan projek-projek hartanah di pusat bandar Kota Bharu bergiat cergas, PKINK turut menjalankan projek usahasama dengan syarikat-syarikat swasta. Projek-projek usahasama tersebut ialah :-

- Kompleks perkedahan / pangsapuri – PT 118, seksyen 9, Kota Bharu.
- Kompleks perniagaan / arcade / pangsapuri (Pelangi Mall) – Kawasan tepi sungai, seksyen 9, Kota Bharu.
- Komplek perniagaan / bazaar / hotel (KB Mall) – Pembangunan Jalan Hamzah, Kota Bharu.

**BINARAYA PKINK SDN. BHD.**

Syarikat pemaju milik penuh PKINK ini telah memainkan peranan yang penting untuk menjana aktiviti-aktiviti pembangunan projek hartanah bagi kumpulan PKINK, Sepanjang tahun 2002, Binaraya PKINK telah berjaya menyiapkan beberapa projek perumahan dan perkedahan yang kesemuanya telah habis dijual pada tahun semasa.

- 128 unit rumah berkembar dua tingkat – Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa dijual dengan harga RM 120,000.00 seunit.
- 37 unit rumah banglo setingkat & 24 unit rumah berkembar setingkat perumahan Desa Darulnaim Pasir Tumbuh yang masing-masing dijual pada harga RM169,000.00 & RM119,000.00 seunit.
- 19 unit rumah kedai dua tingkat – Perumahan Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh dijual pada harga RM188,900.00 seunit.
- 73 unit rumah teres setingkat – Machang dijual pada harga RM83,000.00 seunit.

**KELKON SDN. BHD.**

Dalam tahun 2002, Kelkon turut sibuk menyiapkan beberapa projek di sekitar Kota Bharu. Antaranya adalah :-



In addition, several housing projects are in progress, namely:

- a) 30 units single-storey terrace house in Taman Bunga Raya Bachah Resak Tumpat. This project, developed on a 2.8-acre piece of land nestled between Chabang Empat Tok Mek Ngah and Kubang Batang School, is launched on 15 May 2002. The total cost is estimated around RM1.26million. All units, priced between RM69,900 to RM92,000 each, are sold out.
- b) 21 bungalow units in Taman Sabariah Kota Bharu – located only 5 km from Kota Bharu, this 3.39-acre development is expected to cost around RM2.263million. There are two types of bungalows:



sold, 3-bedroom and 4-bedroom, pricing RM168,150 and RM213,000 respectively. Launched on 15 May 2002, both types are sold out.

- c) 34 units single-storey terrace house in Taman Remah Phase II Tanah Merah – at the offered price of RM58,000 per unit, all of them are fully completed and sold.

To further stimulate Kota Bharu's urban renewal activities, KSEDC also have a number of joint-venture projects in store and they are:

- Commercial complex & apartments on PT118 Section 9 Kota Bharu.
- Shopping arcade and condominiums on Section 9 riverside Kota Bharu
- Hypermarket, bazaar and hotel building in Jalan Hamzah Kota Bharu

**BINARAYA PKINK SDN. BHD.**

This wholly-owned subsidiary continues spearheading the Group property-based agendas. Throughout year 2002, Binaraya has completed and sold several residential and commercial projects, in particular;

- 128 units double-storey semi-detached house in Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa, with a RM120,000 price tag each
- 37 single-store bungalows and 24 single-storey semi-detached houses in Desa Darulnaim Pasir Tumbuh, priced at RM169,000 and RM119,000 respectively.
- 19 double-storey shophouses at RM188,900 per





- 33 unit rumah teres satu tingkat di atas Lot PT 3494-3526, Mukim Panchor, Daerah Kemumin Kota Bharu.
- Merekabentuk, membina dan membiayai Skim Bekalan Air Chica, Kota Bharu.
- 8 unit rumah kedai dan kediaman 2 tingkat di atas Lot PT 903-910 dan kerja-kerja infrastruktur Desa Darul Naim, Mukim Guntung, Kota Bharu.

Selain itu, Kijang Kuari Sdn. Bhd. iaitu salah sebuah syarikat dalam Kumpulan Kelkon telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan MS ISO 9002 oleh SIRIM.

## BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI & IKS

Sepanjang tahun 2002, bahagian ini telah berjaya menjual seluas 14.1 ekar tanah lot industri di Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II kepada 5 buah syarikat yang melibatkan harga jualan berjumlah RM3.5 juta. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan dijalankan di atas tanah tapak tersebut ialah pembuatan badan bas, pemasangan hawa

dingin kenderaan berat, 'Batching Plant', pusat penyimpanan dan penyelenggaraan bas. Sehingga kini, hampir 95% lot-lot industri di Kawasan Perusahaan Pengkalan Chepa II telah dijual.

Bermula pada bulan Oktober 2002, projek asrama kilang telah dibina di atas tanah milik PKINK seluas 2.72 ekar di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II. Projek tersebut yang menelan belanja sebanyak RM8.4 juta apabila siap sepenuhnya mampu menempatkan seramai 1,380 orang pekerja kilang wanita.

## KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

Peranan dan fungsi utama KPKB ialah merancang dan melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersil melalui anak-anak syarikatnya sejajar dengan hasrat untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Meksian Negara.

### MURNI HATCHERY SDN. BHD. (MHBS)

Mengendalikan projek penetasan anak ayam sebagai aktiviti utama. Setakat ini MHBS memiliki 8 buah reban bagi tujuan tersebut. Pada pertengahan tahun 2002



unit. Kelkon also designed, built and financed the water supply system in Chicha Kota Bharu.

- 73, RM63,000 per unit, single-storey terrace houses in Machang

## KELKON SDN BHD

In year 2002, Kelkon Sdn Bhd has built and completed the following construction projects:

- 33 single-storey terrace houses on Lot PT 3494-3526 Panchor, Kemumin, Kota Bharu
- 8 shophouses and double-storey bungalows, complete with infrastructure, on Lot PT 903-910 Desa Darulnaim Kota Bharu.

On top of that, Kijang Kuari Sdn Bhd, a member of the Kelkon Group, was awarded the MS ISO 9002 Certification by SIRIM in year 2002.

## INDUSTRIAL PROMOTION & SMI DIVISION

Throughout year 2002, a total of 14.1 acres prime land in Pengkalan Chepa II Industrial Estate was offered to 5 companies for a total of RM3.5 million. These companies will be engaging in manufacturing buses, fitting air-conds, batching plant as well as a depot for servicing buses. To date, 95% of the offered lots in PCII are taken up.

In October 2002, the construction of a hostel building for 1,380 women operators in PCII commenced on a 2.72 acre site. The estimated cost of the project is RM8.4million.

## KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

The main role and function of this company is to commercially develop agriculture-based activities through its subsidiaries, in line with the aspiration of the state government to turn Kelantan into Malaysia's Food Bowl.

### MURNI HATCHERY SDN. BHD. (MHBS)

As a producer of Day-Old-Chicks (DOC), this company operates 8 coops for that sole purpose. In the middle of year 2002 RM0.6 million was invested to convert four of them into closed coops. Such conversion will boost the production of chicks from 270,000 to 340,000 a month.





syarikat telah melaburkan sebanyak RM0.6 juta bagi mengubahsuai 4 bush reban terbuka yang sedia ada kepada reban tertutup. Pengubahsuaian ini telah membolehkan syarikat meningkatkan kadar pengeluarannya daripada 270,000 kepada 340,000 ekor anak ayam sebulan.

**DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)**

Melibatkan diri dalam pembangunan ladang buah-buahan sebagai aktiviti utama. Setakat ini, DAMAI telah berjaya memajukan projek Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR) seperti berikut-

- a) LRDR Jeli (520 ekar)
- b) LRDR Mukim Relai (1500 ekar)
- c) LRDR Lojing I dan Gua Musang (144 ekar)
- d) LRDR Lojing II di Gua Musang (130 ekar)

Ladang-ladang berkenaan telah dibangunkan dengan penanaman pokok durian, dokong dan limau madu. Lanya telah dipecahkan kepada lot ladang seluas antara satu hingga dua ekar serta ditawarkan dengan harga yang berpatutan. DAMAI turut menjalankan pusat nursery seluas 15 ekar yang terletak di Rantau Panjang bagi tujuan penyediaan anak-anak pokok baka.

**LADANG TAPIS SDN. BHD. (LTSB)**

LTSB merupakan projek usahasama diantara KPKB dan Syarikat Haji Said & Anak-Anak. Lanya



**DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)**

Engaging primarily in orchard development, DAMAI has to date developed "Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR)" in four areas i.e.

- a) LRDR Jeli (520 acres)
- b) LRDR Relai (1,500 acres)
- c) LRDR Lojing I Gua Musang (144 acres)
- d) LRDR Lojing II Gua Musang (130 acres)

The one-to-two-acre reasonably priced orchard lots are planted with durian, dokong and limau madu. DAMAI also operates a 16-acre nursery in Rantau Panjang.



**LADANG TAPIS SDN BHD (LTSB)**

This company is jointly-owned by KPKB and Sykt Hj Said & Sons. It manages an oil-palm plantation of 1,800 acres in Jeli which is owned by KPKB.

**MURNI MARKETING SDN BHD (MMSB)**

Via this company, KPKB has ventured into food processing as a value-added activity. In its factory in Wakaf Zin, MMSB engages in processing, packaging and marketing agro-based food products such as canned sardine, bottled soy sauce and Roselle juice.

**KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN BHD (KPK)**

Throughout year 2002, KPK continues logging within its concession area. From the 1,644 hectares open up 7,003 tonne metric of logs were extracted valued at RM7.6 million. Total sawntimber produced is worth RM6.5 million.





membabitkan pembangunan ladang kelapa sawit seluas 1,800 ekar di Jeli.

#### **SYARIKAT LADANG TEH SUNGAI TERAH SDN. BHD. (SLST)**

#### **MURNI MARKETING SDN. BHD. (MMSB)**

KPKB melalui MMSB telah menceburi bidang pengeluaran makanan sebagai aktiviti sokongan lambah nilai. MMSB yang memiliki kilang mengetin makanan yang terletak di Wakaf Zin telah menjalankan aktiviti memproses, membungkus dan memasarkan produk yang berasaskan pertanian di kilang tersebut. Antara produk yang telah dikeluarkan ialah Sardin Ikan, Kicap dan minuman cordial Roselle.



Until the end of year 2002, SLST produced 14,956 metric tonne of oil worth RM3.5 million from its 2,075 oil palm plantation. Apart from that, 3.0 million kg of rubber valued at RM7.0 million was extracted from the 2,423 ha rubber section.

#### **PERMODALAN KELANTAN BERHAD (PKB)**

A holding company under KSEDO, PKB works hand-in-hand with its subsidiaries in efforts to boost the state's economy.

#### **KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN. BHD. (KPK)**

Sepanjang tahun 2002, KPK telah menjalankan aktiviti pembalakan secara konsesi membabitkan peruntukan kawasan seluas 1,644 hektar. Dalam tahun pembentangan, sebanyak 7,003 tan metrik balak

#### **SISTEM GADAIAN ISLAM SDN BHD (AR-RAHN)**

This subsidiary, which pioneered the Islamic pawn system concept, has added another branch to its stable. The new Pasir Mas branch was open to public in May 2002 and has instantly reaped overwhelming response



membabitkan nilai sebanyak RM7.6 juta telah dapat dikeluarkan. Nilai keluaran kayu gergaji yang telah dihasilkan pula ialah sebanyak RM8.5 juta.

#### **SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN. BHD. (SLST)**

Dalam tahun 2002, SLST telah berjaya mengeluarkan 14,956 tan metrik minyak sawit mentah bernilai RM3.5 juta di ladang kelapa sawitnya yang seluas 2,075 hektar. SLST juga telah mengeluarkan 3 juta kilogram getah yang bernilai RM7.0 juta di ladang getahnya yang seluas 2,423 hektar.



especially from local small traders who needed immediate working capital.

#### **RANGKAIAN HOTEL ISLAM SDN BHD (HOTEL ANSAR)**

This company, which operates two Islamic hotels, has organized several community programs in year 2002 like blood donation, contributions to orphanage as well as performing qurban and distributing it to the poor and the elderly.



### KUMPULAN PERMODALAN KELANTAN BERHAD (PERMODALAN)

Sebagai sebuah syarikat induk, Permodalan telah berkerjasama erat dengan syarikat-syarikat anak dalam kumpulan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat menjana ekonomi Negeri Kelantan.

#### SISTEM GADAIAN ISLAM SDN. BHD. (AR-RAHN).

Permodalan melalui sayap pelaburannya Ar-Rahn telah mengorak langkah dengan pembukaan sebuah lagi cawangan di bandar Pasir Mas pada bulan Mei 2002. Cawangan Ar-Rahn Pasir Mas telah menerima sambutan yang amat menggalakan daripada masyarakat tempatan terutamanya golongan peniaga kecil yang kurang berkemampuan dari segi modal pusingan.

#### RANGKAIAN HOTEL ISLAM SDN. BHD. (HOTEL ANSAR)

Sepanjang tahun 2002, Hotel Ansar telah melaksanakan beberapa aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian dengan konsep Islam yang diterapkan dalam perkhidmatan. Diantara aktiviti yang dijalankan ialah kempen menderma darah yang dianjurkan bersama Hospital Kota Bharu, sumbangan barangan untuk Rumah Anak Yatim di Taman Sabariah dan juga penyembelihan lembu korban bersama warga tua dan miskin.

#### PUSAT PERUBATAN AN-NISA' (AN-NISA').

Sepanjang tahun 2002, An-Nisa' telah melaksanakan pelbagai program kesedaran dalam penjagaan kesihatan di kalangan masyarakat terutamanya wanita dengan memfokuskan bidang sakit puan dan perbidanan. Diantara program tersebut ialah program menderma darah secara berterusan, lawatan silaturahmi ke klinik-klinik swasta dan juga pameran kesihatan dan ceramah khas tentang kanser bagi wanita.

#### INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM (ITD).

ITD telah melibatkan diri dalam sektor pendidikan tinggi dengan menawarkan kursus-kursus diploma Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Pengajian Jarak Jauh (PJJ) UKM. ITD turut menyediakan kursus-kursus jangka pendek melalui program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Kursus-kursus yang ditawarkan ialah Kursus Juruteknik, Pembantu Tadbir Sistem Maklumat, Pembantu Juruteknik Sistem Komputer dan Mekanik Penyejukbekuan & Penyaman Udara. Selain itu, ITD juga turut menawarkan Kursus Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Bahasa Inggeris menerusi Skim Latihan Graduan (SLG) bagi mahasiswa yang menganggur.



#### AN-NISA' ISLAMIC MEDICAL CENTRE

Throughout year 2002, this private maternity hospital which adhere strictly to Islamic practices, has conducted various awareness programs especially in matters concerning obstetric and gynecology. Among the programs held are blood donation, courtesy call to other private clinics as well as seminars and expositions on women-related cancer.

#### INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM (ITD)

Apart from conducting long-distance courses under Universiti Kebangsaan Malaysia as well as franchise courses from Universiti Teknologi Malaysia, ITD also offers short-term courses. Under the MLVK program, courses offered encompass Electrician, Assistant System Administrator, Assistant Computer Technician and Aircondition & Chiller Mechanic. In addition, there is a Graduate Training Scheme offering courses in Information, Technology & Communication and English, specifically designed for unemployed graduates.





#### TAMAN REHLAH SDN. BHD. (TRSB)

Sebagai pusat latihan dan rekreasi terulung di negeri Kelantan, TRSB telah mendapat perhatian dan kepercayaan badan-badan korporat besar bagi menjalankan latihan jangka panjang untuk kakitangan mereka. Antaranya ialah Jabatan Belia & Sukan, Tenaga Nasional, Putri Islam dan Angkatan Tentera Malaysia.

#### INFRA QUEST SDN. BHD. (IQSB)

Sebagai sebuah Unit Bisnes Permodalan, IQSB telah dilantik oleh kerajaan negeri sebagai Badan Penyelaras bagi merancang, melaksana dan menyelenggarakan infrastruktur telekomunikasi di negeri ini. Perantakan ini merupakan kepercayaan kepada IQSB untuk melibatkan diri sebagai "Submission Consultant" dan "Project Consultant" yang menyelaras dan menjaga kepentingan syarikat-syarikat telekomunikasi masa kini seperti MAXIS, Celcom dan TM Touch.

#### SEKTOR PELANCONGAN

Pada tahun 2002, Hotel Perdana Kota Bharu dan Perdana Resort telah menjayakan pelbagai program dan kempen umpamanya Program Cuti-Cuti Malaysia, Pameran Pelancongan, Kem Perkhemahan & Motivasi, Jejak Warisan dan sebagainya. Perdana Superbowl sebagai satu-satunya pusat bowling di negeri Kelantan dan Terengganu turut menganjurkan pelbagai kejohanan sepanjang tahun bagi memenuhi keperluan rekreasi penduduk negeri ini.



#### TAMAN REHLAH SDN BHD (TRSB)

As the only outbound training centre in Kelantan, Taman Rehlah has gained the interest and trust of several corporate bodies and government agencies in conducting series of courses for their staff. The major players are Department of Sports & Youth, Tenaga Nasional, Putri Islam and Malaysia Arm Forces.

#### INFRA QUEST SDN BHD (IQSB)

A business unit under PKB, IQSB is appointed by the state government as the facilitating body in planning, implementing and maintaining telecommunication infrastructure in Kelantan. Such appointment is a privileged to IQSB for then it become the Submission Consultant and Project Consultant to currently operating telcos like MAXIS, Celcom and TM Touch.

#### TOURISM AND RECREATION

In year 2002, both Hotel Perdana and Perdana Resort have come up with various events and campaigns such as the "Cuti-cuti Malaysia" program, Tourism Exhibition, Motivation Camp, and Heritage Tour.

Perdana Superbowl, the only bowling center in Kelantan and Terengganu region has organized several tournaments throughout year 2002 in order to meet the local demand for recreation.



*Hotel Perdana Kota Bharu yang bestarif Empat Bintang merupakan hotel milik penuh PKINK.*








# MAKLUMAT OPERASI & KEWANGAN

## OPERATIONAL & FINANCIAL HIGHLIGHTS

### PERBADANAN PERBANDINGAN PERBELANJAAN 2002 & 2001

COMPANY EXPENDITURE COMPARISON  
2002 & 2001


- Belanja Mengurus & Kendalian  
Operation & Administration Expenses
- Syutnilal  
Depreciation
- Belanja Kewangan  
Financial Expenses
- Perkara-perkara Terkecual  
Exceptional Items



### PERBADANAN PERBANDINGAN PENDAPATAN 2002 & 2001


COMPANY INCOME COMPARISON  
2002 & 2001

- Jualan Kawasan Perindustrian  
Sales of Industrial Lots
- Jualan Kawasan Perumahan  
Sales of Houses
- Sewaan  
Rental
- Hasil Dari Pinjaman Anak Syarikat  
Income on Loans to Subsidiaries
- Hasil Perhutanan & Perkhidmatan  
Income from Forestry & Services



### KUMPULAN PKINK PERBANDINGAN 2002 & 2001 GROUP COMPARISON 2002 & 2001

- Hasil  
Income
- Kos Jualan  
Costs of sales
- Belanja Operasi  
Operating Expenditure
- Lain-lain Pendapatan  
Other Income
- Belanja Kewangan  
Financial Expenses
- Syarikat Bersekutu  
Associated Companies
- Cukai  
Taxation
- Kepentingan Minoriti  
Minority Interest
- Kerugian Dalam Tahun  
Loss for the Year





# Penyata Kewangan

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002



**PERBADANAN KEMAJUAN  
IKTISAD NEGERI KELANTAN**  
KELANTAN STATE ECONOMIC  
DEVELOPMENT CORPORATION





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

CERTIFICATE FROM AUDITOR GENERAL ON  
THE ACCOUNTS OF KELANTAN STATE ECONOMIC  
DEVELOPMENT CORPORATION  
FOR THE YEAR ENDED  
31 DECEMBER 2002

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA  
AUDITOR GENERAL MALAYSIA**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARAMENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

**CERTIFICATE FROM AUDITOR GENERAL  
ON THE ACCOUNTS OF KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION  
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2002**

Penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawai pengauditan yang diluluskan. Piawai tersebut mengkehendaki pengauditan dirancang yang dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian yang dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2002, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawai perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dirayakari dalam Nota Kepada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan adalah dalam bentuk dan kanunagan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan disatukan.

**(HARUN BIN ALI)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

**PUTRAJAYA**

15 Disember 2003

*The financial statement of Kelantan State Economic Development Corporation for the year ended 31 December 2002 was audited by my appointee. The management of the corporation is fully responsible for this statement. My responsibility is only to audit and give opinion on the financial statement.*

*2. The auditing was conducted in compliance with the 1957 Audit Act and in accordance to the International Audit Standard. The standard requires that the audit work should be planned and executed so as to reasonably determine that the Financial Statement is free from obvious errors and omissions. The work includes checking records, examining figure-supporting evidences and assuring sufficient disclosure in the financial statement. The assessment also covers the accounting principles used and the overall presentation of the financial statement.*

*3. In my opinion, the financial statement gives a true and fair view on the financial position of Kelantan State Economic Development Corporation and its group of companies as at 31 December 2002, its the operating income and cashflow for the year, based on the approved accounting standard.*

*4. I have made a presumption that all the financial statements and audit reports of subsidiaries not audited by me, as listed in the Note 4 to KSEDC Financial Statement, are consistent and suitable in terms of format and content for the purpose of consolidation. I have received adequate information and explanation as required for such purpose.*

*5. The audit reports on those subsidiaries' financial statements do not contain any qualification that can affect the consolidated financial statement.*







**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI  
KELANTAN**

**KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT  
CORPORATION**

**PENYATA OLEH PENGARAH**

**STATEMENT BY DIRECTORS**

"Kami **YAB TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT** dan **HAJI HANIFA BIN AHMAD** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Lembaran Imbangan, nyata Pendapatan, dan Penyata Aliran Tunai Perbadanan dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan dan Kumpulan pada 31 Disember 2002.

*We, Y.A.B. Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat and Hj Hanifa Ahmad, being two of the directors of Kelantan State Economic Development, state that in the opinion of the Board of Directors, the Balance Sheet, Profit/(Loss) Statement, Cashflow Statement and the Notes to them, are drawn up to give a true and fair view on the position of KSEDC at as 31 December 2002, its operating income and cashflow for the financial year ending on that date.*

Bagi Pihak Lembaga :  
*On behalf of the Board*

**YAB TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT**

}  
}  
}  
}  
}  
} **PENGARAH**  
} **DIRECTORS**  
}  
}  
}  
}

**HAJI HANIFA BIN AHMAD**

Date :

**KOTA BHARU**





**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI  
KELANTAN**

**KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT  
CORPORATION**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN  
KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD  
NEGERI KELANTAN**

**DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY  
RESPONSIBLE FOR THE FINANCIAL  
MANAGEMENT OF KELANTAN STATE  
ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION**

\*Saya **HAJI HANIFA BIN AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai Perbadanan dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

*I, **Hj Hanifa Ahmad**, being the officer primarily responsible for the financial management of Kelantan State Economic Development Corporation, solemnly and sincerely declare that the Balance Sheet, Profit/ (Loss) Statement, Cashflow Statement, and the Notes to them, to my knowledge and belief are correct and I made this solemn declaration consciously believing the same to be true by virtue of the Statutory Declaration Act 1960.*

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh Penama di atas di Kota Bharu pada  
*Sincerely and solemnly declared by  
the name above in Kota Bharu on*

**HAJI HANIFA BIN AHMAD**

**PESURUHJAYA SUMPAAH  
HJ. MOHD YAZID B. HJ. MUSTAFA  
HAKIM KANAN  
MAHKAMAH SESYEN  
KOTA BHARU  
KELANTAN.**



**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31HB DISEMBER 2002**  
**BALANCE SHEET AT 31<sup>ST</sup> DECEMBER 2002**

	NOTA NOTES	KUMPULAN/ GROUP		PERBADANAN/ CORPORATION	
		2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Hartanah, kaji dan peralatan <i>Property, plant and machinery</i>	3	239,640,265	236,090,757	102,856,507	97,421,691
Pelaburan dalam anak syarikat / <i>Investment in Subsidiaries</i>	4	5	5	76,315,631	76,315,631
Pelaburan dalam syarikat bersekutu <i>Investment in Associated Companies</i>	5	24,365,074	19,278,421	8,678,199	5,278,199
Pinjaman jangka panjang oleh anak syarikat <i>Long-term Loans to Subsidiaries</i>	6	883,954	883,954	883,954	883,954
Perbelanjaan pembangunan <i>Development Expenditures</i>	7	4,456,076	3,627,849	486,317	540,244
Lain-lain pelaburan/ <i>Other Investments</i>	8	234,663	234,663	-	-
Perbelanjaan penanaman <i>Planting Expenditures</i>	9	62,229,844	66,743,732	-	-
Tanah untuk pembangunan <i>Land for Development</i>	10	6,310,005	11,722,521	-	-
Muhibah dari penyatuan <i>Goodwill on consolidation</i>		1,055,228	1,093,766	-	-
Asele tidak zahir/ <i>Intangible assets</i>		49,251	-	-	-
<b>HARTA SEMASA / CURRENT ASSET</b>					
Stok / <i>stock</i>	11	27,996,838	47,716,281	19,057,159	39,720,020
Kerja dalam pembangunan <i>Work in Progress</i>	12	40,642,663	79,561,115	40,642,663	79,561,115
Tanah dalam pembangunan <i>Land under development</i>	13	5,690,417	6,994,925	4,617,584	3,659,118
Pelaburan / <i>investment</i>	14	2,810,354	3,580,549	1,831,394	1,831,394
Siberhutang perniagaan / <i>Trade Debtors</i>	15	82,857,709	81,347,071	38,917,022	33,875,731
Terhutang oleh pelanggan <i>Amount owed by clients</i>	16	5,154,561	4,099,194	-	-
Lain-lain siberhutang <i>Other debtors</i>	17	23,981,008	25,915,027	857,906	1,420,990
Pelbagai perbelanjaan terdahulu <i>Other prepayments</i>	18	1,836,784	1,841,396	1,836,784	1,841,396
Pertaruhan dan deposit <i>Deposits</i>	19	45,431	25,923	45,431	25,923
